



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(STPM)**

USULUDDIN
Sukatan Pelajaran dan Kertas Soalan Contoh

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

PRAKATA

Sukatan Pelajaran Usuluddin yang baharu ini digubal untuk menggantikan Sukatan Pelajaran Usuluddin sedia ada yang telah digunakan semenjak peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun 1993. Sukatan pelajaran yang baharu ini akan mula digunakan pada tahun 2012. Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun tersebut akan menjadi peperiksaan pertama yang menggunakan sukatan pelajaran ini. Penggubalan semula Sukatan Pelajaran Usuluddin ini mengambil kira perubahan yang hendak dilakukan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia terhadap sistem pentaksiran Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang sedia ada. Melalui sistem pentaksiran yang baharu ini, pengajian di tingkatan enam akan dibahagikan kepada tiga penggal dan calon akan menduduki peperiksaan pada setiap akhir penggal. Tujuan utama Majlis Peperiksaan Malaysia memperkenalkan sistem pentaksiran yang baharu ini adalah untuk memperbaiki orientasi pengajaran dan pembelajaran di tingkatan enam supaya tidak jauh berbeza dengan orientasi pengajaran dan pembelajaran di kolej dan universiti.

Penggubalan semula Sukatan Pelajaran Usuluddin ini merupakan proses pengemaskinian tajuk, kandungan, dan kemahiran supaya selaras dengan perkembangan semasa. Sukatan pelajaran ini akan memberikan pendedahan kepada calon di peringkat prauniversiti tentang Ilmu Tauhid, Ilmu Mantik, Pemikiran Akidah Islam, Ulum al-Quran, dan Ulum al-Hadith untuk memahami al-Quran dan al-Hadith serta isu semasa. Selain itu, sukatan pelajaran ini juga memberi penekanan dalam aspek mengaplikasikan secara menyeluruh dan mendalam prinsip dan metodologi bidang Usuluddin. Selain itu, sukatan pelajaran ini juga mewajibkan calon menjalankan kerja kursus. Pentaksirannya dibuat melalui penghasilan kerja projek. Aspek ini difikirkan penting kerana melalui kerja kursus, calon bukan sahaja belajar untuk menguasai ilmu tertentu tetapi juga akan dapat menerapkan kemahiran insaniah ke dalam diri mereka melalui pengalaman yang ditempuhi semasa menyiapkan kerja kursus tersebut. Pengalaman ini akan membantu calon dalam melaksanakan kerja kursus pada peringkat yang lebih tinggi pada masa hadapan.

Sukatan pelajaran ini mengandungi tajuk, waktu pengajaran, dan hasil pembelajaran mengikut penggal, di samping bentuk peperiksaan, pemerihalan prestasi, dan soalan contoh.

Usaha menggubal sukatan pelajaran ini telah dilaksanakan oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Profesor Zakaria bin Stapa dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Anggota jawatankuasa yang lain terdiri daripada beberapa orang pensyarah dari universiti tempatan, pakar bidang, wakil daripada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (Bahagian Kurikulum), dan guru-guru yang berpengalaman dalam mengajar mata pelajaran Usuluddin. Bagi pihak Majlis Peperiksaan Malaysia, saya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa ini atas khidmat yang telah diberikan. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan Majlis Peperiksaan Malaysia agar sukatan pelajaran ini menjadi panduan kepada guru dan calon dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Semoga pelaksanaan sukatan pelajaran ini berjaya mencapai matlamatnya.

Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia

KANDUNGAN

Sukatan Pelajaran 931 Usuluddin

	<i>Halaman</i>
Matlamat	1
Objektif	
Kandungan	1 – 3
Penggal 1	4 – 12
Penggal 2	13 – 21
Penggal 3	22 – 25
Kerja Kursus (Kerja Projek)	26
Skim Pentaksiran	27
Pemerihalan Prestasi	28
Glosari	29 – 33
Senarai Rujukan	34 – 37
Kertas Soalan Contoh	
Kertas 1	39 – 40
Kertas 2	41 – 42
Kertas 3	43 – 44
Kertas 4	45 – 46

SUKATAN PELAJARAN **931 USULUDDIN**

Matlamat

Sukatan pelajaran ini bertujuan memperluas dan memperdalam pengetahuan, kefahaman, dan penghayatan dalam bidang Usuluddin. Sukatan ini bertujuan melahirkan pelajar yang soleh, bertanggungjawab, berfikiran terbuka dan mempunyai kesediaan menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan Usuluddin secara ilmiah, serta memupuk minat pelajar yang berterusan dalam bidang Usuluddin bagi membolehkan pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Objektif

Objektif sukatan pelajaran ini adalah untuk membolehkan pelajar

- (a) menguasai pengetahuan dan memperoleh kefahaman yang menyeluruh dan mendalam tentang Ilmu Tauhid, Ilmu Mantik, pemikiran akidah Islam, Ulum al-Quran, dan Ulum al-Hadith;
- (b) mengaplikasikan secara menyeluruh dan mendalam prinsip dan metodologi bidang Usuluddin untuk memahami al-Quran, al-Hadith, dan isu semasa;
- (c) menghubungkan kait nilai dan prinsip utama bidang Usuluddin dengan kehidupan individu, masyarakat, dan negara secara tepat;
- (d) menguasai sepenuhnya kemahiran berfikir, membuat keputusan dan bertindak secara objektif, rasional, dan sistematik bersesuaian dengan nilai dan prinsip utama bidang Usuluddin;
- (e) membuat perbandingan dan penilaian secara asas dan lengkap antara pelbagai aliran pemikiran tentang isu-isu tertentu dalam bidang Usuluddin berteraskan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Kandungan

Sukatan pelajaran Usuluddin dibahagikan kepada empat kertas, iaitu Kertas 1 (931/1) Ilmu Tauhid, Kertas 2 (931/2) Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadith, Kertas 3 (931/3) Ilmu Mantik, dan Kertas 4 (931/4) Kerja Kursus (Kerja Projek) Usuluddin.

Pembahagian adalah seperti yang berikut:

<i>Kertas</i>	<i>Kod</i>	<i>Pelajaran</i>
1	931/1	Ilmu Tauhid
2	931/2	Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadith
3	931/3	Ilmu Mantik
4	931/4	Kerja Kursus (Kerja Projek) Usuluddin

Kertas 1: 931/1 – Ilmu Tauhid (120 waktu)

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu</i>
1. Akidah dan hubungannya dengan <i>al-Din</i>	44
2. Metode al-Quran dalam menerapkan akidah	20
3. Metode pemikiran akidah	26
4. Penyelewengan akidah	30

Kertas 2: 931/2 – Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadith (120 waktu)

<i>Ulum al-Quran (60 waktu)</i>		<i>Ulum al-Hadith (60 waktu)</i>	
<i>Tajuk</i>	<i>Waktu</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Waktu</i>
1. Konsep Ulum al-Quran dan metode pendokumentasian al-Quran	8	1. Konsep Ulum al-Hadith dan Sejarah pendokumentasian <i>al-Hadith</i>	16
2. <i>I'jaz al-Quran</i>	12	2. Klasifikasi Hadith, <i>Mukhtalaf al-Hadith</i> dan <i>Al-Jarh wa Al-Ta'dil</i>	20
3. <i>Nasikh dan mansukh</i>	10	3. Pengenalan kitab-kitab hadith dalam bahasa Melayu	4
4. <i>Al-Tafsir</i>	30	4. Penyelewengan hadith	20

Kertas 3: 931/3 – Ilmu Mantik (108 waktu)

<i>Ilmu Mantik (108 waktu)</i>	
<i>Tajuk</i>	<i>Waktu</i>
1. Mantik dalam tradisi ilmu Islam	16
2. Kaedah-kaedah Ilmu Mantik	
2.1 <i>Al-Dilalah</i>	2
2.2 <i>Al-Takrif</i>	18
2.3 <i>Istidlal</i>	60
3. Tokoh-tokoh Ilmu Mantik	12

Kertas 4: 931/4 – Kerja Kursus (Kerja Projek) Usuluddin (12 waktu)

<i>Bil</i>	<i>Aspek Pemarkahan</i>	<i>Markah</i>	<i>Markah Penuh</i>
<i>Penulisan</i>			
1	Pengenalan	2	48 (80%)
2	Penghargaan	2	
3	Objektif kajian	2	
4	Kaedah kajian	3	
5	Hasil kajian dan ulasan	25	
6	Rumusan dan cadangan	4	
7	Senarai rujukan	3	
8	Kemahiran manipulatif	2	
9	Kemahiran insaniah	5	
<i>Pembentangan</i>			
1	Pembentangan kerja kursus (kerja projek)	5	12 (20%)
2	Soal jawab	3	
3	Kreativiti	2	
4	Keterampilan	2	

Penggal 1

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
ILMU TAUHID		
1 Akidah dan Hubungannya dengan <i>al-Din</i>	44	
1.1 Konsep akidah	6	Calon seharusnya dapat:
1.1.1 Kefitrahan berakidah		(a) mengingat kembali dan menulis semula takrif akidah, ciri akidah, kedudukan akidah dalam Islam;
1.1.2 Islam agama fitrah		(b) menginterpretasi beragama adalah fitrah manusia dan Islam adalah agama fitrah bagi manusia;
1.1.3 Keunggulan akidah		(c) membezakan keistimewaan dan keunggulan akidah Islam berbanding dengan agama dan ideologi lain.
1.2 <i>al-Din</i> menurut al-Quran	8	Calon seharusnya dapat:
1.2.1 Takrif <i>al-Din</i> dari segi bahasa dan istilah		(a) menjelaskan takrif <i>al-Din</i> ;
1.2.2 Penggunaan perkataan <i>al-Din</i> dalam al-Quran		(b) mengemukakan ayat al-Quran yang mengandungi perkataan <i>al-Din</i> dalam maksud agama yang benar dan salah, contohnya, surah al-Kafirun (109:6) dan surah at-Taubah (9:29);
1.2.3 Takrif <i>al-Din</i> yang benar menurut al-Quran		(c) menguasai takrif <i>al-Din</i> yang sebenar menurut al-Quran dan menggunakan maklumat itu untuk menolak andaian semua agama sama;
1.2.4 Islam agama para nabi dan rasul		(d) menerangkan bahawa semua nabi Allah membawa agama Islam;
		(e) menjelaskan Islam agama yang diturunkan kepada semua manusia;
		(f) menjelaskan Islam agama Allah;
		(g) menjelaskan kesempurnaan Islam pada zaman Nabi Muhammad SAW;
1.2.5 Aspek persamaan dan perbezaan antara para nabi dengan rasul		(h) mengemukakan takrif, tugas, dan ciri nabi dan rasul menurut al-Quran dan al-Sunnah;
		(i) menganalisis persamaan dan perbezaan antara nabi dengan rasul;

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<p>1.2.6 Bukti kenabian dan kerasulan</p> <p>1.2.6.1 Mukjizat: Takrif, syarat, dan perbezaannya dengan perkara luar biasa yang lain</p> <p>1.2.6.2 Kesatuan dasar dan matlamat yang dibawa oleh nabi dan rasul</p> <p>1.2.6.3 Peribadi unggul nabi dan rasul</p>		<p>(j) mengemukakan takrif dan syarat mukjizat;</p> <p>(k) membezakan antara mukjizat dengan perkara luar biasa yang lain;</p> <p>(l) menggunakan maklumat di atas untuk menolak perkara luar biasa yang lain sebagai mukjizat;</p> <p>(m) menjelaskan kesatuan dasar pengutusan nabi dan rasul, matlamat nabi dan rasul serta hubungannya dengan pembuktian kenabian dan kerasulan;</p> <p>(n) menjelaskan kesatuan matlamat pengutusan nabi dan rasul;</p> <p>(o) menjadikan sifat-sifat unggul peribadi nabi dan rasul untuk pembuktian kenabian dan kerasulan;</p> <p>(p) menggunakan sifat-sifat unggul peribadi nabi dan rasul untuk penghayatan pelajar.</p>
<p>1.3 Iman, Islam, dan Ihsan menurut al-Quran dan al-Sunnah</p>	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan Iman, Islam, dan Ihsan menurut al-Quran dan al-Sunnah;</p> <p>(b) membezakan ketiga-tiga istilah berkenaan.</p>
<p>1.4 Hubungan antara Iman, Islam, dan Ihsan menurut al-Quran dan al-Sunnah</p> <p>1.4.1 Hubungan antara Iman dan Islam</p> <p>1.4.2 Hubungan antara Iman, Islam dan Ihsan</p> <p>1.4.3 Iman bertambah dan berkurang</p>	6	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mengenal pasti hubungan Iman dan Islam;</p> <p>(b) mengemukakan dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah tentang hubungan antara keduanya;</p> <p>(c) mengenal pasti hubungan Iman, Islam, dan Ihsan;</p> <p>(d) menjelaskan faktor bertambah dan berkurangnya iman.</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
1.5 Peranan akidah dalam kehidupan individu dan masyarakat	4	Calon seharusnya dapat: (a) menerangkan peranan akidah dalam kehidupan individu dan masyarakat; (b) menganalisis faedah-faedah keimanan dalam kehidupan individu dan masyarakat.
1.6 Hubungan akidah dengan akhlak	8	Calon seharusnya dapat: (a) menerangkan hubungan akidah dengan akhlak; (b) menjelaskan konsep sifat yang dipuji dan yang dikeji; (c) mengemukakan contoh-contoh peribadi yang dipuji dan yang dikeji; (d) menerapkan konsep adab dalam Islam terutama adab anak dengan ibu bapa, adab pelajar dengan guru, dan rakan-rakan.
1.6.1 Sifat yang terpuji (<i>mahmudah</i>) dan sifat yang keji (<i>mazmumah</i>)		
1.6.2 Konsep adab dalam Islam		
1.7 Hubungan akidah dengan isu berikut:	8	Calon seharusnya dapat: (a) menerangkan hubungan akidah dengan isu berikut: (i) Perpaduan ummah (ii) Sains dan teknologi (iii) Globalisasi (iv) Masalah sosial (v) Ideologi dan fahaman yang menyesatkan (b) merumuskan bahawa perkara di atas mesti dihubungkan dengan akidah Islam berdasarkan Ahli Sunnah Waljamaah.
1.7.1 Perpaduan ummah		
1.7.2 Sains dan teknologi		
1.7.3 Globalisasi		
1.7.4 Masalah sosial		
1.7.5 Ideologi dan fahaman yang menyesatkan		
2 Metode al-Quran dalam Menerapkan Akidah	20	
2.1 Pembebasan akal daripada paksaan dan taklid	4	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan ayat al-Quran yang menggesa manusia supaya menggunakan akal dengan sebaiknya Contoh, surah <i>al-Baqarah</i> (2: 164);
2.1.1 Ayat al-Quran menggesa manusia supaya menggunakan akal dengan sebaiknya		

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<p>2.1.2 Ayat al-Quran menerangkan taklid menghalang akal manusia dari mencari kebenaran dan kemajuan</p> <p>2.1.3 Ayat al-Quran mencela manusia yang tidak menggunakan akal untuk mencari kebenaran</p>		<p>(b) mengemukakan dan menerangkan ayat al-Quran bahawa taklid menghalang akal manusia dari mencari kebenaran dan kemajuan. Contoh, surah al-Baqarah (2: 170);</p> <p>(c) mengemukakan dan menjelaskan ayat al-Quran yang mencela manusia yang tidak menggunakan akal. Contoh, surah al-Mulk (67: 10);</p> <p>(d) mengemukakan dan menjelaskan kebaikan menggunakan akal dan keburukan bertaklid;</p> <p>(e) menggunakan maklumat ini untuk panduan dalam berfikir dan membuat keputusan.</p>
<p>2.2 Mengarah akal manusia untuk berfikir dan mengkaji tentang alam nyata</p> <p>2.2.1 Ayat al-Quran menggesa supaya berfikir dan mengkaji tentang alam nyata</p> <p>2.2.2 Ayat al-Quran yang berkaitan dengan ruang lingkup penggunaan akal</p> <p>2.2.3 Ayat al-Quran yang berkaitan dengan tujuan manusia berfikir</p>	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mengemukakan dan menjelaskan ayat al-Quran yang menggesa akal supaya berfikir dan mengkaji tentang alam nyata. Contoh, surah Ali ‘Imran (3: 190-191);</p> <p>(b) mengemukakan dan merumuskan ayat al-Quran yang berkaitan dengan ruang lingkup penggunaan akal. Contoh, surah al-Ghashiyyah (88: 17-20);</p> <p>(c) mengemukakan dan merumuskan ayat al-Quran mengenai tujuan manusia berfikir. Contoh, surah Fussilat (41: 53).</p>
<p>2.3 Membentangkan akidah yang batil dan mengisbatkan kebatilannya</p> <p>2.3.1 Ayat al-Quran menjelaskan akidah yang batil dalam perkara ketuhanan, kenabian, dan <i>sam‘iyyat</i></p> <p>2.3.2 Ayat al-Quran yang mengisbatkan kebatilannya</p>	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mengemukakan dan menerangkan ayat al-Quran yang menjelaskan akidah yang batil. Contoh, surah al-Ma’idah (5: 72-73);</p> <p>(b) mengemukakan dan menerangkan ayat al-Quran yang mengisbatkan kebatilannya. Contoh, surah al-An‘am (6: 101-102).</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<p>2.4 Membentangkan akidah yang benar dan mengisbatkan kebenarannya</p> <p>2.4.1 Ayat al-Quran yang menjelaskan kebenaran akidah Islam dalam perkara ketuhanan, kenabian, dan <i>sam'iyat</i></p> <p>2.4.2 Ayat al-Quran yang mengisbatkan kebenarannya</p>	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mengemukakan dan menerangkan ayat al-Quran yang menjelaskan kebenaran akidah Islam. Contoh, surah al-Ikhlās (112: 1-4);</p> <p>(b) mengemukakan dan menerangkan ayat al-Quran yang mengisbatkan kebenarannya. Contoh, surah al-Anbiya' (21: 22).</p>
<p>2.5 Menerusi <i>qudwah hasanah</i></p> <p>2.5.1 Konsep <i>qudwah hasanah</i></p> <p>2.5.2 Kisah para nabi dan orang soleh dalam al-Quran</p>	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mengemukakan dan menjelaskan ayat al-Quran tentang konsep <i>qudwah hasanah</i>. Contoh, surah al-Ahzab (33: 21);</p> <p>(b) menjelaskan kisah para nabi dan orang soleh berhubung dengan <i>qudwah hasanah</i> dalam al-Quran; Contoh, surah Nuh (71: 5-10);</p> <p>(c) memerihalkan <i>qudwah hasanah</i> yang tersirat dalam kisah para nabi dan rasul.</p>
3 Metode Pemikiran Akidah	26	
<p>3.1 Akidah Islam pada zaman Nabi Muhammad SAW dan Sahabat</p> <p>3.1.1 Akidah dan metode penyampaian</p> <p>3.1.2 Penerimaan para Sahabat terutama Khulafa al-Rasyidin terhadap prinsip akidah yang disampaikan oleh Nabi</p> <p>3.1.3 Bibit perbezaan pendapat dalam kalangan Sahabat</p>	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan sumber, ciri, dan metode penyampaian akidah pada zaman Nabi dan Sahabat;</p> <p>(b) menjelaskan sikap, komitmen, dan penghayatan para Sahabat terhadap prinsip akidah yang disampaikan oleh Nabi;</p> <p>(c) menjelaskan perbezaan pendapat dalam kalangan Sahabat yang menjadi bibit kelahiran aliran pemikiran akidah.</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<p>3.2 Faktor kelahiran beberapa aliran pemikiran akidah Islam</p> <p>3.2.1 Faktor dalaman</p> <p>3.2.1.1 Isu berkaitan al-Quran sebagai faktor kelahiran aliran pemikiran akidah Islam</p> <p>3.2.1.2 Isu berkaitan al-hadith sebagai faktor kelahiran aliran pemikiran akidah Islam</p> <p>3.2.1.3 Isu berkaitan masyarakat Islam</p> <p>3.2.2 Faktor luaran</p> <p>3.2.2.1 Agama dan budaya asing</p> <p>3.2.2.2 Falsafah Greek</p> <p>3.2.3 Hubungan faktor dalaman dan luaran</p>	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan isu berkaitan al-Quran sebagai faktor kelahiran aliran pemikiran akidah Islam seperti al-Quran makhluk dan bukan makhluk, ayat <i>mutashabihat</i>, isu qadak dan qadar, sifat Allah, galakan al-Quran supaya berfikir dan lain-lain;</p> <p>(b) menjelaskan isu berkaitan al-hadith sebagai faktor kelahiran aliran pemikiran akidah Islam seperti isu al-hadith yang berkaitan dengan akidah, <i>hadith al-firaq</i> dan <i>mawdu'at</i>;</p> <p>(c) menjelaskan isu berkaitan masyarakat Islam seperti politik dan hukum iman dan kufur;</p> <p>(d) menjelaskan faktor agama dan budaya asing seperti Yahudi, Kristian, dan Farsi;</p> <p>(e) menjelaskan faktor falsafah Greek seperti gerakan penterjemahan, metode pemikiran, dan konsep ketuhanan Greek;</p> <p>(f) menilai hubungan faktor kelahiran aliran pemikiran akidah Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung.</p>
<p>3.3 Mengkaji metode aliran Ahli Sunnah Waljamaah, (Salafiah, Asya'irah, dan Maturidiyyah), Muktazilah dan aliran yang lain dalam membincangkan persoalan akidah Islam dengan memberikan beberapa contoh</p>	2	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menerangkan metode Ahli Sunnah Waljamaah dalam memahami akidah yang terdiri dari:</p> <p>(i) Salafiah menggunakan pendekatan al-Quran dan Sunnah secara <i>harfi</i>;</p> <p>(ii) Ash'ariyyah dan Maturidiyyah menggunakan pendekatan al-Quran, Sunnah, dan akal;</p> <p>(b) menerangkan metode Muktazilah yang mengutamakan dalil akal dari wahyu;</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
3.3.1 Ketuhanan: sifat-sifat Allah	4	(c) menjelaskan pandangan Ahli Sunnah Waljamaah dan Muktazilah mengenai sifat Allah; (d) mengemukakan hujah bagi mempertahankan pemikiran Ahli Sunnah Waljamaah;
3.3.2 Kenabian dan kerasulan	4	(e) menjelaskan dan membezakan hukum pengutusan nabi dan rasul mengikut pandangan Ahli Sunnah Waljamaah dan Muktazilah; (f) mengemukakan hujah bagi mempertahankan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah;
3.3.2.1 Pengutusan nabi dan rasul mengikut pandangan Ahli Sunnah Waljamaah dan Muktazilah		(g) menjelaskan hikmat pengutusan rasul mengikut Ahli Sunnah Waljamaah dan Muktazilah;
3.3.2.2 Hikmat pengutusan rasul		(h) menerangkan Nabi Muhammad SAW penyudah segala nabi; (i) menerangkan risalah Nabi Muhammad SAW terpelihara; (j) menerangkan risalah Nabi Muhammad SAW ditujukan kepada seluruh manusia dan jin; (k) menerangkan risalah Nabi Muhammad SAW dan membatalkan risalah sebelumnya; (l) menerangkan mereka yang mengingkari hukum <i>khatm al-nubuwwah</i> adalah kafir; (m) mengemukakan hujah dan mempertahankan prinsip <i>khatm al-nubuwwah</i> Nabi Muhammad SAW sehingga hari kiamat;
3.3.2.3 Konsep <i>khatm al-nubuwwah</i> dan <i>umum al-risalah</i>		
3.3.3 Konsep <i>sam'iyat</i> (eskatologi):	6	(n) menjelaskan takrif <i>sam'iyat</i> ; (o) menjelaskan kandungan <i>sam'iyat</i> seperti syurga, neraka, pahala, dan seksa; (p) menjelaskan pembalasan di akhirat mengikut Ahli Sunnah Waljamaah dan Muktazilah;
3.3.3.1 Takrif <i>sam'iyat</i>		
3.3.3.2 Kandungan <i>sam'iyat</i>		
3.3.3.3 Pembalasan di akhirat		

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
3.3.3.4 <i>Ru'yat Allah</i> di akhirat		(q) menjelaskan kepentingan hubungan pembalasan di akhirat dengan kehidupan di dunia; (r) menjelaskan pandangan Ahli Sunnah Waljamaah dan Muktazilah mengenai <i>Ru'yat Allah</i> di akhirat; (s) mengemukakan hujah dan mempertahankan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah dalam perkara <i>sam'iyat</i> ;
3.3.4 Konsep iman dan kufur	2	(t) menerangkan konsep iman dan kufur mengikut pendapat Ahli Sunnah Waljamaah, Khawarij, dan Muktazilah; (u) membezakan konsep iman dan kufur mengikut aliran di atas; (v) mengemukakan hujah bagi mempertahankan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.
4 Penyelewengan Akidah	30	
4.1 Latar belakang kemunculan penyelewengan akidah	4	Calon seharusnya dapat: (a) memerihalkan latar belakang kemunculan penyelewengan akidah dari segi: (i) perluasan wilayah Islam (ii) kemasukan elemen bukan Islam ke dalam Islam (iii) kelahiran hadith palsu
4.2 Faktor penyelewengan akidah	6	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan faktor penyelewengan akidah Islam: (i) Kekurangan ilmu tentang akidah yang benar (ii) Agama dan kebudayaan luar Islam (iii) Pengaruh ajaran sesat (iv) Taklid buta (v) Percaya kepada khurafat

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<p>4.3 Penyelewengan akidah di Malaysia</p> <p>4.3.1 Ajaran sesat</p> <p>4.3.2 Kesenian yang menyesatkan</p> <p>4.3.3 Perbomohan yang berunsurkan pemujaan</p> <p>4.3.4 Persilatan yang menyesatkan</p> <p>4.3.5 Penilaian penyelewengan akidah di Malaysia</p>	10	<p>(vi) Psikologi seperti taksab kepada ketua</p> <p>(vii) Ekonomi seperti tarikan kebendaan</p> <p>(b) merumuskan faktor yang menyebabkan berlakunya penyelewengan akidah.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan penyelewengan ajaran sesat seperti Aurad Muhammadiyah dan Ayah Pin;</p> <p>(b) menjelaskan penyelewengan kesenian yang menyesatkan seperti <i>black metal</i>;</p> <p>(c) menjelaskan penyelewengan dalam perbomohan yang berunsurkan pemujaan;</p> <p>(d) menjelaskan penyelewengan persilatan seperti Nasrul Haq;</p> <p>(e) menilai elemen yang menyebabkan berlakunya penyelewengan akidah dalam perkara yang tersenarai.</p>
<p>4.4 Penyelewengan pemikiran semasa</p> <p>4.4.1 Sekularisme</p> <p>4.4.2 Liberalisme</p> <p>4.4.3 Hedonisme</p>	10	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan takrif, sejarah dan ciri-ciri sekularisme, liberalisme dan hedonisme yang bertentangan dengan akidah Islam;</p> <p>(b) membezakan ketiga-tiga bentuk penyelewengan tersebut;</p> <p>(c) merumuskan bahawa pemikiran di atas adalah menyeleweng dan bertentangan dengan Islam.</p>

Penggal 2

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
ULUM AL-QURAN		
1 Konsep Ulum al-Quran	2	
1.1 Takrif Ulum al-Quran	1	Calon seharusnya dapat: (a) mentakrifkan Ulum al-Quran.
1.2 Perbezaan antara Ulum al-Quran dengan Ilmu Tafsir dan Usul al-Tafsir	1	Calon seharusnya dapat: (a) membezakan antara Ulum al-Quran, Ilmu Tafsir dan Usul al-Tafsir.
2 Metode Pendokumentasian al-Quran	6	
2.1 Pendokumentasian pada zaman Nabi, Abu Bakar, dan Uthman	3	Calon seharusnya dapat: (a) menghuraikan tahap pendokumentasian al-Quran pada zaman Nabi, Abu Bakar, dan Uthman; (b) membezakan metode pendokumentasian al-Quran pada zaman Nabi, Abu Bakar, dan Uthman.
2.2 Penambahbaikan terhadap <i>Rasm Uthmani</i>	2	Calon seharusnya dapat: (a) mengenal pasti dan menjelaskan penambahbaikan terhadap <i>Rasm Uthmani</i> dari segi seni penulisan, baris, titik, dan tanda-tanda bacaan.
2.3 Kepentingan menjaga al-Quran	1	Calon seharusnya dapat: (a) menerangkan kepentingan penjagaan al-Quran sepanjang zaman.
3 I'jaz al-Quran	12	
3.1 Takrif <i>i'jaz</i> al-Quran	2	Calon seharusnya dapat: (a) mentakrifkan <i>i'jaz</i> al-Quran mengikut pandangan ulama.

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
3.2 Skop <i>i'jaz</i> al-Quran menurut aliran pemikiran mazhab	2	Calon seharusnya dapat: (a) menganalisis skop <i>i'jaz</i> menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan Muktazilah.
3.3 Latar belakang dan sejarah ilmu <i>i'jaz</i>	2	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan bentuk penentangan terhadap al-Quran yang mencetuskan kemunculan ilmu <i>i'jaz</i> ; (b) memerihalkan sejarah pertumbuhan ilmu <i>i'jaz</i> .
3.4 Aspek <i>i'jaz</i> al-Quran		Calon seharusnya dapat:
3.4.1 Aspek bahasa	2	(a) menerangkan <i>i'jaz</i> al-Quran dari sudut penggunaan perkataan; tatabahasa, struktur ayat dan makna; (b) membezakan keistimewaan bahasa al-Quran berbanding bahasa Arab;
3.4.2 Aspek ilmu	2	(c) mengenal pasti aspek <i>i'jaz 'ilmiyy</i> yang terdapat dalam al-Quran; (d) menghubungkan penemuan sains dan teknologi dengan al-Quran;
3.4.3 Aspek kandungan	2	(e) membuktikan bahawa kandungan al-Quran adalah benar seperti surah al-Rum (30: 2-6).
4 <i>Nasikh dan Mansukh</i>	10	
4.1 Takrif <i>nasikh</i> dan <i>mansukh</i>	2	Calon seharusnya dapat: (a) mentakrifkan <i>nasikh</i> dan <i>mansukh</i> dalam al-Quran berserta contoh.
4.2 Istilah berkaitan dengan <i>nasikh</i> dan <i>mansukh</i>	4	Calon seharusnya dapat: (a) membandingkan beberapa istilah lain yang berkaitan dengan <i>nasikh</i> dan <i>mansukh</i> seperti <i>am</i> dan <i>khas</i> , <i>mutlaq</i> dan <i>muqayyad</i> .
4.3 Bahagian <i>nasikh</i> dan <i>mansukh</i>	4	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan bahagian <i>nasikh</i> dan <i>mansukh</i> .

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
5 Tafsir	42	
5.1 Takrif tafsir dan takwil	1	Calon seharusnya dapat: (a) mentakrifkan tafsir dan takwil.
5.2 Perbezaan antara tafsir dengan takwil	2	Calon seharusnya dapat: (a) membezakan antara tafsir dengan takwil dan mengemukakan contoh kedua-duanya.
5.3 Sejarah ilmu tafsir	2	Calon seharusnya dapat: (a) memerihalkan sejarah ilmu tafsir secara ringkas.
5.4 Kepentingan ilmu tafsir	1	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan kepentingan ilmu tafsir dalam memahami al-Quran.
5.5 Pembahagian tafsir		Calon seharusnya dapat:
5.5.1 berasaskan sumber (i) <i>tafsir ma'thur</i> (ii) <i>tafsir ra'yi</i>	4	(a) mentakrifkan tafsir <i>ma'thur</i> dan <i>ra'yi</i> ; (b) mengemukakan contoh tafsir <i>ma'thur</i> dan <i>ra'yi</i> ;
5.5.2 berasaskan pendekatan (i) <i>tafsir tahlili</i> (ii) <i>tafsir mawdu'i</i>	4	(c) mentakrifkan tafsir <i>tahlili</i> dan <i>mawdu'i</i> ; (d) mengemukakan contoh tafsir <i>tahlili</i> dan <i>mawdu'i</i> .
5.6 Metode terbaik mentafsir al-Quran	4	Calon seharusnya dapat:
5.6.1 Tafsir al-Quran dengan al-Quran		(a) menjelaskan metode terbaik dan selamat dalam mentafsirkan al-Quran;
5.6.2 Tafsir al-Quran dengan al-hadith		(b) membezakan tiga metode tafsir berkenaan.
5.6.3 Tafsir al-Quran dengan <i>athar</i>		
5.7 Pengenalan kitab tafsir dalam bahasa Melayu	6	Calon seharusnya dapat:
5.7.1 Sejarah tafsir dalam bahasa Melayu	2	(a) memerihalkan secara ringkas sejarah tafsir dalam bahasa Melayu;

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
5.7.2 Karya tafsir dalam bahasa Melayu (i) <i>Nur Ehsan</i> – Sheikh Hj Muhammad Said (ii) ‘ <i>Abr al-Athir</i> – Hj Ahmad Sonhadji (iii) <i>Tarjuman al-Mustafid</i> – Sheikh Abdul Rauf al-Singkeli (iv) <i>Tafsir al-Quran al-Hakim</i> – Hj Mustafa Abdul Rahman	4	(b) menerangkan secara ringkas riwayat hidup penulis, metode penulisan, isi kandungan dan keistimewaan kitab tafsir <i>Nur Ehsan</i> , ‘ <i>Abr al- Athir</i> , <i>Tarjuman al-Mustafid</i> , dan <i>Tafsir al-Quran al-Hakim</i> .
5.8 Penyelewengan dalam tafsir al-Quran	6	Calon seharusnya dapat:
5.8.1 Faktor penyelewengan dalam tafsir al-Quran	2	(a) menerangkan faktor yang mendorong kepada berlakunya penyelewengan dalam tafsir al-Quran;
5.8.2 Jenis penyelewengan dalam tafsir (i) <i>Isra’iliyyat</i> (ii) <i>Batiniyyah</i> (iii) Syiah (iv) Orientalis	4	(b) mengenal pasti dan menerangkan jenis penyelewengan dalam tafsir al-Quran seperti <i>Isra’iliyyat</i> , <i>Batiniyyah</i> , Syiah, dan Orientalis; (c) merumuskan bahawa penyelewengan dalam tafsir boleh merosakkan akidah.

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
ULUM AL-HADITH		
1 Konsep Ulum al-Hadith	9	
1.1 Takrif hadith	2	Calon seharusnya dapat: (a) mentakrifkan hadith; (b) membezakan antara <i>hadith nabawi</i> dengan <i>hadith qudsi</i> berserta contoh.
1.1.1 <i>Al-Hadith al-Nabawi</i>		
1.1.2 <i>Al-Hadith al-Qudsi</i>		
1.2 Takrif <i>sunnah</i>		Calon seharusnya dapat: (a) mentakrifkan <i>sunnah</i> ; (b) menerangkan persamaan dan perbezaan antara <i>al-Hadith</i> dan <i>al-Sunnah</i> .
1.3 Kedudukan hadith dalam Islam	2	Calon seharusnya dapat: (a) mengemukakan ayat-ayat al-Quran dan hadith serta pendapat ulama tentang kedudukan hadith dalam Islam; (b) menjelaskan hukum orang yang menolak hadith.
1.4 Takrif dan kepentingan Ulum al-Hadith	2	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan takrif Ulum al-Hadith <i>dirayah</i> dan <i>riwayah</i> ; (b) menjelaskan kepentingan Ulum al-Hadith dalam pengajian hadith.
1.5 Perkembangan Ulum al-Hadith	3	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan pertumbuhan Ulum al-Hadith pada zaman Rasulullah SAW dan Sahabat; (b) menjelaskan perkembangan Ulum al-Hadith daripada abad kedua Hijrah hingga kesepuluh Hijrah; (c) mengenal pasti dan mengemukakan tokoh Ulum al-Hadith berserta tulisan mereka.
1.5.1 Ulum al-Hadith pada zaman Rasulullah SAW dan Sahabat		
1.5.2 Ulum al-Hadith daripada abad kedua Hijrah hingga kesepuluh Hijrah		

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
2 Sejarah Pendokumentasian Hadith	7	
2.1 Penulisan hadith pada zaman Rasulullah, Sahabat, dan Tabi'in	3	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan sejarah penulisan hadith pada zaman Rasulullah, Sahabat, dan Tabi'in; (b) menyenaraikan tokoh penulis hadith.
2.2 <i>Tadwin al-Hadith</i> pada zaman Tabi'in dan faktornya	2	Calon seharusnya dapat: (a) menerangkan faktor yang membawa kepada <i>tadwin al-Hadith</i> ; (b) menjelaskan kepentingan <i>tadwin al-Hadith</i> sebagai kaedah menjaga autoriti hadith.
2.3 Penyusunan kitab hadith dan metodenya	2	Calon seharusnya dapat: (a) menyenaraikan kitab hadith yang berbentuk <i>jawami'</i> , <i>masanid</i> , <i>ma'ajim</i> dan menerangkan metode penyusunan secara ringkas.
3 Klasifikasi Hadith	8	
3.1 Klasifikasi al-Hadith berdasarkan bilangan perawi	2	Calon seharusnya dapat: (a) mentakrifkan hadith <i>mutawatir</i> dan <i>ahad</i> ; (b) menjelaskan bahagian hadith <i>mutawatir</i> dan <i>ahad</i> berserta contoh; (c) mengemukakan pendapat ulama tentang hukum beramal dengan hadith <i>mutawatir</i> dan <i>ahad</i> .
3.1.1 Hadith <i>mutawatir</i> dan <i>ahad</i>		
3.1.2 Bahagian hadith <i>mutawatir</i> dan <i>ahad</i>		
3.1.3 Hukum beramal dengan hadith <i>mutawatir</i> dan <i>ahad</i>		
3.2 Klasifikasi al-Hadith berdasarkan sifat perawi	4	Calon seharusnya dapat: (a) mentakrifkan hadith <i>sahih</i> , <i>hasan</i> , dan <i>da'if</i> ; (b) menyenaraikan kitab hadith <i>sahih</i> , <i>hasan</i> , dan <i>da'if</i> ;
3.2.1 Hadith <i>sahih</i> , <i>hasan</i> , dan <i>da'if</i>		
3.2.2 Kitab-kitab yang mengandungi hadith <i>sahih</i> , <i>hasan</i> , dan <i>da'if</i>		

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
3.2.3 Hukum beramal dengan hadith <i>sahih, hasan, dan da'if</i>		(c) mengemukakan pendapat ulama tentang hukum beramal dengan hadith <i>sahih, hasan, dan da'if</i> .
3.3 Klasifikasi al-Hadith berdasarkan akhir sanad	2	Calon seharusnya dapat:
3.3.1 Hadith <i>marfu', mawquf, dan maqtu'</i>		(a) mentakrifkan hadith <i>marfu', mawquf, dan maqtu'</i> ;
3.3.2 Hukum beramal dengan hadith <i>marfu', mawquf, dan maqtu'</i>		(b) mengemukakan pendapat ulama tentang hukum beramal dengan hadith <i>marfu', mawquf, dan maqtu'</i> .
4 Mukhtalaf al-Hadith/Musykil al-Hadith	4	
4.1 Takrif dan kepentingan ilmu <i>mukhtalaf al-Hadith/musykil al-Hadith</i>	2	Calon seharusnya dapat:
		(a) mentakrifkan <i>mukhtalaf al-Hadith/musykil al-Hadith</i> ;
		(b) menerangkan kepentingan ilmu <i>mukhtalaf al-Hadith/musykil al-Hadith</i> dalam memahami al-Hadith.
4.2 Penyelarasan Hadith <i>mukhtalaf</i>	2	Calon seharusnya dapat:
		(a) menjelaskan cara menyelaras Hadith <i>mukhtalaf</i> .
5 Jarh dan Ta'dil	8	
5.1 Takrif dan dalil	1	Calon seharusnya dapat:
		(a) mentakrifkan <i>jarh dan ta'dil</i> ;
		(b) mengemukakan dalil yang mengharuskan penggunaan <i>jarh dan ta'dil</i> .
5.2 Sejarah ilmu <i>jarh dan ta'dil</i>	2	Calon seharusnya dapat:
		(a) menjelaskan sejarah pertumbuhan dan perkembangan ilmu <i>jarh dan ta'dil</i> ;
		(b) menyenaraikan tokoh yang terlibat dalam penulisan ilmu <i>jarh dan ta'dil</i> .

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
5.3 Syarat <i>jarh</i> dan <i>ta'dil</i>	2	Calon seharusnya dapat: (a) menerangkan syarat yang digunakan oleh ulama dalam <i>jarh</i> dan <i>ta'dil</i> .
5.4 Peringkat <i>jarh</i> dan <i>ta'dil</i> serta hukum	2	Calon seharusnya dapat: (a) memerihalkan peringkat <i>jarh</i> dan <i>ta'dil</i> serta hukum.
5.5 Kepentingan ilmu <i>jarh</i> dan <i>ta'dil</i> dalam bidang kewartawanan	1	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan kepentingan ilmu <i>jarh</i> dan <i>ta'dil</i> dan mengaitkannya dalam bidang kewartawanan.
6 Pengenalan Kitab Syarah al-Hadith dalam Bahasa Melayu	4	
6.1 Kitab syarah al-Hadith dalam bahasa Melayu (i) <i>Matn al-Arba'in</i> – Imam Nawawiyy (ii) <i>Bulugh al-Muram min Adilat al-Ahkam</i> – Ibnu Hajar al-Asqalani (iii) <i>Muqaddimah Mastika al-Hadith Rasululullah S.A.W</i> – SF Dato' Hj Muhammad Noor bin Hj Ibrahim, Tn Hj Ismail bin Hj Yusof, Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih (iv) <i>Bahr al-Maziyy</i> – Idris al-Marbawiyy	4	Calon seharusnya dapat: (a) memerihalkan latar belakang pengarang; (b) menjelaskan isi kandungan kitab syarah al-Hadith dalam bahasa Melayu.
7 Penyelewengan dalam Hadith	10	
7.1 Hadith <i>mawdu'</i>		Calon seharusnya dapat:
7.1.1 Takrif hadith <i>mawdu'</i> dan cirinya	2	(a) mentakrifkan hadith <i>mawdu'</i> ; (b) menjelaskan ciri hadith <i>mawdu'</i> ;
7.1.2 Faktor kemunculan hadith <i>mawdu'</i>	2	(c) menghuraikan faktor kemunculan hadith <i>mawdu'</i> ;
7.1.3 Implikasi penggunaan hadith <i>mawdu'</i> terhadap akidah, ibadat, dan akhlak	2	(d) menjelaskan implikasi penggunaan hadith <i>mawdu'</i> terhadap akidah, ibadat, dan akhlak;

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
7.1.4 Hadith <i>mawdu'</i> dalam masyarakat Islam di Malaysia	4	(e) menyenaraikan hadith <i>mawdu'</i> yang tersebar dalam masyarakat Islam di Malaysia.
7.2 Pandangan Orientalis terhadap al-Hadith	6	Calon seharusnya dapat:
7.2.1 Takrif Orientalis dan Orientalisme	2	(a) mentakrifkan Orientalis dan Orientalisme;
7.2.2 Matlamat Orientalis dalam mengkaji hadith	2	(b) menjelaskan matlamat Orientalis dalam mengkaji hadith;
7.2.3 Pandangan Orientalis terhadap hadith dan kritikan terhadapnya	2	(c) mengemukakan pandangan Orientalis dan kritikan terhadapnya.
7.3 Gerakan antihadith di Malaysia	4	Calon seharusnya dapat:
7.3.1 Hubungan gerakan ini dengan Orientalis	1	(a) menjelaskan golongan antihadith di Malaysia dan kaitannya dengan golongan Orientalis;
7.3.2 Kritikan kepada tiga dakwaan golongan antihadith: (i) Sunnah bukan wahyu (ii) Tiada ketaatan kepada Rasulullah SAW (iii) Al-Quran tidak memerlukan hadith	3	(b) menjelaskan dakwaan yang dikemukakan oleh golongan antihadith dalam tiga isu tersebut dan menolak dakwaan itu.

Penggal 3

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
ILMU MANTIK		
1 Mantik dalam Tradisi Ilmu Islam	16	
1.1 Takrif Ilmu Mantik	2	Calon seharusnya dapat: (a) mentakrifkan Ilmu Mantik dari segi bahasa dan istilah.
1.2 Sejarah kemunculan dan perkembangan Ilmu Mantik	2	Calon seharusnya dapat: (a) memerihalkan sejarah kemunculan dan perkembangan Ilmu Mantik dalam tradisi ilmu Islam.
1.3 Peranan dan kepentingan Ilmu Mantik dalam: (i) Falsafah (ii) Usuluddin (iii) Usul Fiqh (iv) Ilmu Bahasa	6	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan peranan dan kepentingan Ilmu Mantik dalam bidang keilmuan.
1.4 Polemik tentang Ilmu Mantik	4	Calon seharusnya dapat: (a) membanding dan menganalisis pandangan yang menyokong dan pandangan yang menolak Ilmu Mantik.
1.5 Ilmu Mantik di Malaysia	2	Calon seharusnya dapat: (a) menggalurkan kronologi sejarah Ilmu Mantik di Malaysia.
2 Kaedah-kaedah Ilmu Mantik	80	
2.1 <i>Dilalah</i> (Indikasi)	4	Calon seharusnya dapat:
2.1.1 Bahagian <i>dilalah</i>		(a) mentakrifkan <i>dilalah</i> dalam Ilmu Mantik;
2.1.2 Hubungan <i>dilalah</i> dengan <i>al-ta'rif</i>		(b) menerangkan bahagian <i>dilalah</i> dan mengkategorikannya. (c) menerangkan perkaitan antara <i>dilalah</i> dengan <i>al-ta'rif</i> ;

Tajuk	Waktu Pengajaran	Hasil Pembelajaran
<p>2.2 <i>Al-Ta'rif</i> (Definisi)</p> <p>2.2.1 Pengenalan <i>al-ta'rif</i></p> <p>2.2.2 <i>Kulliyat khamsah: jins, naw', fasl, khassah, 'ard am</i></p> <p>2.2.3 Bahagian dan syarat <i>al-ta'rif</i></p> <p>2.2.4 Aplikasi <i>al-ta'rif</i> dalam disiplin ilmu dan kehidupan</p>	<p>2</p> <p>6</p> <p>4</p> <p>4</p>	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menerangkan maksud <i>al-ta'rif</i> dalam Ilmu Mantik;</p> <p>(b) menjelaskan kepentingan <i>al-ta'rif</i> dalam disiplin pengajian Islam;</p> <p>(c) menerangkan konsep <i>kulliyat khamsah</i> dan membezakan antara satu <i>kulli</i> dengan <i>kulli</i> yang lain;</p> <p>(d) menerangkan bahagian dan syarat <i>al-ta'rif</i> dan mengkategorikannya;</p> <p>(e) mengemukakan kepentingan <i>al-ta'rif</i> dalam disiplin ilmu dan kehidupan;</p> <p>(f) mengaplikasikan <i>al-ta'rif</i> dengan konsep penting kehidupan seperti definisi <i>al-'ilm</i>, <i>al-'adalah</i>, wajib dan fardu, akal, ilmu fardu ain dan fardu kifayah.</p>
<p>2.3 <i>Istidlal</i> (Argumentasi)</p> <p>2.3.1 <i>Qadiyyah</i> (Penyataan)</p> <p>2.3.2 Bahagian <i>istidlal</i></p> <p>2.3.3 <i>Qiyas</i> (Deduksi)</p>	<p>6</p> <p>4</p> <p>12</p>	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan <i>qadiyyah</i>;</p> <p>(b) menerangkan bahagian <i>qadiyyah</i> berserta contoh;</p> <p>(c) membezakan antara bahagian <i>qadiyyah hamliyyah</i> dengan <i>qadiyyah shartiyyah</i>;</p> <p>(d) menerangkan bahagian <i>istidlal</i> berserta contoh;</p> <p>(e) membezakan antara bahagian <i>istidlal mubashir</i> dengan <i>istidlal ghayr mubashir</i>;</p> <p>(f) mentakrifkan <i>qiyas</i> dalam Ilmu Mantik;</p> <p>(g) menerangkan syarat umum <i>qiyas</i>;</p> <p>(h) menjelaskan bahagian <i>qiyas</i> dan <i>shaklnya</i> berserta contoh;</p> <p>(i) menjelaskan kandungan mukadimah <i>qiyas</i> seperti <i>awwalliyyat</i>, <i>mutawatirat</i>, <i>tajribiyyat</i> dan lain-lain;</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
2.3.4 Penggunaan <i>qiyas</i> dalam karya Usuluddin	4	(j) menjelaskan kepentingan kaedah <i>qiyas</i> dalam ilmu Islam; (k) mengemukakan contoh penggunaan metode <i>qiyas</i> dalam bidang Usuluddin;
2.3.5 <i>Istiqra'</i> (Induksi)		
2.3.5.1 <i>Istiqra'</i> : takrif, bahagian dan syarat	4	(l) mentakrifkan <i>istiqra'</i> dalam Ilmu Mantik; (m) menerangkan bahagian dan syarat utama <i>istiqra'</i> ;
2.3.5.2 Metode <i>istiqra'</i> : (i) <i>mulahazah</i> (ii) <i>tajribah</i> (iii) <i>fard al-furud</i> (iv) <i>tahqiq al-furud</i> (v) <i>ta'mim al-hukm</i>	18	(n) menjelaskan konsep <i>mulahazah</i> , <i>tajribah</i> , <i>fard al-furud</i> , <i>tahqiq al-furud</i> dan <i>ta'mim al-hukm</i> ; (o) menjelaskan syarat dan bahagian <i>mulahazah</i> , <i>tajribah</i> , <i>fard al-furud</i> , <i>tahqiq al-furud</i> , dan <i>ta'mim al-hukm</i> ; (p) menjelaskan peringkat dan proses <i>istiqra'</i> ;
2.3.5.3 Kepentingan <i>istiqra'</i> dalam pengajian Islam dan penyelidikan ilmiah	4	(q) menjelaskan kepentingan kaedah <i>istiqra'</i> dalam bidang pengajian Islam; (r) mengaplikasikan metode <i>istiqra'</i> dalam penyelidikan ilmiah;
2.3.6 Ralat dan Falasi		
2.3.6.1 Konsep ralat dan falasi	2	(s) menerangkan konsep ralat dan falasi;
2.3.6.2 Ralat dalam Mantik Klasik	3	(t) menjelaskan faktor yang menyebabkan berlakunya ralat dalam mentakrifkan sesuatu dan berhujah;
2.3.6.3 Falasi dalam pemikiran kritis	3	(u) menjelaskan faktor yang menyebabkan berlakunya falasi dalam berfikir dan berhujah.
3 Tokoh-tokoh Ilmu Mantik	12	
3.1 Ibn Sina	4	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan biodata Ibn Sina sebagai tokoh mantik; (b) menjelaskan pemikiran mantik Ibn Sina dalam kitab <i>al-Isharat wa al-Tanbihat</i> .

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
3.2 Al-Ghazaliyy	4	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan biodata al-Ghazaliyy sebagai tokoh mantik; (b) menjelaskan pemikiran mantik al-Ghazaliyy dalam kitab <i>Mi'yar al-'Ilm fi 'Ilm al-Mantiq</i> .
3.3 Ibn Haytham	4	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan biodata Ibn al-Haytham sebagai tokoh mantik; (b) menerangkan metode kajian ilmiahnya seperti <i>al-Mujanasaḥ</i> , <i>Majra al-'Adah</i> dan <i>al-Athar</i> .

Kerja Kursus (Kerja Projek)

1 Pengenalan

Semua calon STPM sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan, sekolah swasta, dan calon persendirian individu yang mengambil mata pelajaran Usuluddin wajib melaksanakan Kerja Kursus (Kerja Projek) Usuluddin sebagai satu daripada komponen pentaksiran. Wajaran markah bagi kerja projek adalah sebanyak 20%. Markah pentaksiran kerja projek diambil kira bersama-sama dengan markah peperiksaan bagi tujuan penentuan markah keseluruhan dan penggredan. Tema kerja projek disediakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Tema tersebut adalah berkaitan dengan tajuk yang terdapat dalam sukatan pelajaran Usuluddin. Panduan dan arahan kerja projek akan diberikan melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.

2 Objektif

Kerja projek dilaksanakan untuk menilai keupayaan calon dalam:

(a) Kemahiran kognitif, iaitu:

- (i) menguasai pengetahuan dan memperoleh kefahaman tentang bidang ilmu Usuluddin;
- (ii) membuat perbandingan dan penilaian antara pelbagai aliran pemikiran tentang isu-isu tertentu dalam bidang Usuluddin berteraskan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

(b) Kemahiran manipulatif, iaitu:

- (i) mencerap, mengukur dan mengumpul pelbagai jenis data dan maklumat sama ada daripada sumber primer atau sumber sekunder;
- (ii) memproses dan menganalisis data.

(c) Kemahiran insaniah (*soft skills*), iaitu:

- (i) mahir berkomunikasi secara lisan dan tulisan dengan berkesan;
- (ii) berupaya mengurus masa mengikut jadual kerja yang ditetapkan;
- (iii) berupaya menyelesaikan masalah;
- (iv) berupaya menghasilkan tugas secara kreatif dan inovatif;
- (v) mampu menjalankan kajian kuantitatif dan kualitatif secara saintifik;
- (vi) berupaya menjalankan kajian secara jujur, amanah, beretika, dan fleksibel;
- (vii) berupaya meningkatkan keyakinan diri dan bermotivasi;
- (viii) mampu menghadapi risiko dan tekanan tugas yang mungkin timbul;
- (ix) berupaya mempamer kepimpinan yang berkesan;
- (x) mampu menguasai kemahiran hubungan interpersonal;
- (xi) menguasai kemahiran menyoal bagi mendapat dan mengesahkan kebenaran maklumat;
- (xii) menguasai kemahiran mempengaruhi orang lain bagi menegakkan kebenaran.

Skim Pentaksiran

<i>Penggal Pengajian</i>	<i>Kod dan Nama Kertas</i>	<i>Jenis Ujian</i>	<i>Markah (Wajaran)</i>	<i>Masa</i>	<i>Pentadbiran</i>
Penggal 1	931/1 Usuluddin 1	Ujian Bertulis Soalan esei 5 soalan diberikan Jawab 4 soalan daripada 5 soalan	80 (26.67%)	2 jam	Pentaksiran berpusat
Penggal 2	931/2 Usuluddin 2	Ujian Bertulis Bahagian A: Ulum Al-Quran Soalan esei 3 soalan diberikan Jawab 2 soalan daripada 3 soalan Bahagian B: Ulum Al-Hadith Soalan esei 3 soalan diberikan Jawab 2 soalan daripada 3 soalan	80 (26.67%) 40 40	2 jam	Pentaksiran berpusat
Penggal 3	931/3 Usuluddin 3	Ujian Bertulis Soalan esei 5 soalan diberikan Jawab 4 soalan daripada 5 soalan	80 (26.67%)	2 jam	Pentaksiran berpusat
	931/4 Usuluddin 4	Kerja Kursus (Kerja Projek) Pilih satu tema daripada dua tema yang diberikan dan hasilkan satu tugas daripada tema yang dipilih Tugas adalah berdasarkan tajuk daripada penggal 1, penggal 2 atau penggal 3	60 (20%)	Sepanjang penggal 3	Pentaksiran oleh guru sekolah bagi calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan Pentaksiran oleh pemeriksa yang dilantik bagi calon sekolah swasta dan calon persendirian individu

Pemerihalan Prestasi

Gred A

- Calon menguasai pengetahuan dan memperoleh kefahaman yang menyeluruh dan mendalam tentang Ilmu Tauhid, Ilmu Mantik, pemikiran Islam, Ulum al-Quran, dan Ulum al-Hadith.
- Calon mengaplikasikan secara menyeluruh dan mendalam prinsip dan metodologi bidang Usuluddin untuk memahami al-Quran, al-Hadith, dan isu semasa.
- Calon menghubungkan kait nilai dan prinsip utama bidang Usuluddin dengan kehidupan individu, masyarakat, dan negara secara tepat.
- Calon menguasai sepenuhnya kemahiran berfikir, membuat keputusan dan bertindak secara objektif, rasional, dan sistematik bersesuaian dengan nilai dan prinsip utama bidang Usuluddin.
- Calon membuat perbandingan dan penilaian secara asas dan lengkap antara pelbagai aliran pemikiran tentang isu-isu tertentu dalam bidang Usuluddin berteraskan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Gred C

- Calon menguasai pengetahuan dan memperoleh kefahaman yang asas tentang Ilmu Tauhid, Ilmu Mantik, Pemikiran Islam, Ulum al-Quran, dan Ulum al-Hadith.
- Calon mengaplikasikan sebahagian prinsip dan metodologi bidang Usuluddin untuk memahami al-Quran, al-Hadith, dan isu semasa.
- Calon menghubungkan kait sebahagian nilai dan prinsip utama bidang Usuluddin dengan kehidupan individu, masyarakat, dan negara.
- Calon menguasai sebahagian kemahiran berfikir, membuat keputusan dan bertindak secara objektif, rasional, dan sistematik bersesuaian dengan nilai dan prinsip utama bidang Usuluddin.
- Calon membuat perbandingan dan penilaian secara asas antara pelbagai aliran pemikiran tentang isu-isu tertentu dalam bidang Usuluddin berteraskan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Glosari

<i>Bil.</i>	<i>Istilah</i>	<i>Huraian istilah</i>
1	<i>al-Din</i>	Kepercayaan kepada kewujudan yang maha tinggi yang mengatur perjalanan hidup manusia yang menyebabkan manusia tunduk dan patuh kepadanya.
2	Ahli Sunnah Waljamaah	Kumpulan dalam Islam yang menjadikan al-Quran, al-Sunnah dan Sahabat Nabi SAW sebagai pegangan dalam akidah.
3	<i>`Arad `am</i>	Lafaz <i>kulli</i> (umum) yang terkeluar daripada hakikat sesuatu yang ada padanya dan pada yang lain.
4	<i>Anti hadith</i>	Golongan yang menolak hadith dan berpegang kepada al-Quran sahaja.
5	Asy`ariyyah	Golongan yang mengikut pendekatan al-Ash`ari dalam persoalan akidah.
6	Aurad Muhammadiyyah	Wirid-wirid yang diamalkan oleh kumpulan Dar al-Arqam yang dinisbahkan kepada Muhammad Suhaimi.
7	<i>Awwaliyyat</i>	Perkara yang menjadi asas dan permulaan kepada sesuatu, ia juga dinamakan dengan dasar-dasar utama.
8	<i>Dilalah</i>	Petunjuk kepada sesuatu
9	<i>Dirayah</i>	Ilmu yang membahas kedudukan hadith dari segi sanad dan matan, sama ada diterima atau ditolak.
10	<i>Fard al-furud</i>	Satu peringkat dalam istiqra' yang membuat andaian bagi sesuatu perkara untuk dibuktikan diperingkat seterusnya.
11	<i>Fasl</i>	Lafaz <i>kulli</i> (umum) yang merangkumi afraad yang banyak bagi menjawab soalan apakah yang ada pada sesuatu perkara itu pada zatnya.
12	<i>Fitrah</i>	Sifat semula jadi yang ada pada manusia.
13	Globalisasi	Pendekatan atau kaedah yang menunjukkan berlakunya interaksi antara manusia di alam ini secara intensif kerana kemajuan teknologi komunikasi.
14	Ideologi	Kefahaman atau aliran yang mempunyai dasar-dasar tertentu yang menjadi ikutan golongan tertentu.
15	<i>Istiqra'</i>	Satu bentuk pendalilan yang menggunakan kaedah meneliti setiap juz' iyyat atau sebahagiannya untuk sampai kepada satu hukum yang umum merangkumi semuanya.

<i>Bil.</i>	<i>Istilah</i>	<i>Huraian istilah</i>
16	<i>al-Hadith</i>	Perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat yang disandar kepada Nabi Muhammad SAW.
17	<i>Hadith qudsi</i>	Hadith yang disandarkan oleh Rasulullah SAW perkataannya kepada Allah.
18	<i>Hadith ahad</i>	Hadith yang tidak memenuhi syarat-syarat hadith mutawatir.
19	<i>Hadith mutawatir</i>	Hadith yang diriwayatkan oleh sekumpulan perawi yang ramai di setiap peringkat, mustahil pada kebiasaannya mereka bermuafakat melakukan dusta.
20	<i>Hadith sahih</i>	Hadith yang sanadnya berhubung sehingga akhirnya melalui perawi yang adil dan dabit tanpa syaz dan 'illat.
21	<i>Hadith hasan</i>	Hadith yang sanadnya berhubung sehingga akhirnya oleh perawi yang adil dan dabit tetapi nilai dabitnya kurang dari perawi hadith sahih tanpa syaz dan 'illat.
22	<i>Hadith da'if</i>	Hadith yang tidak memenuhi syarat-syarat hadith Sahih dan hadith Hasan.
23	<i>Hadith marfu'</i>	Hadith yang diriwayatkan daripada Nabi Muhammad SAW.
24	<i>Hadith mawdu'</i>	Hadith yang direka atau diada-adakan terhadap Rasulullah SAW.
25	<i>Hadith mawquf</i>	Hadith yang diriwayatkan dengan sanadnya sehingga kepada sahabat.
26	<i>Hadith maqtu'</i>	Hadith yang diriwayatkan dengan sanadnya sehingga kepada tabi'in.
27	<i>Hadith Nabawi</i>	Lihat <i>al-Hadis</i> .
28	<i>Hadith al-firaq</i>	Hadith yang menjelaskan tentang perpecahan umat Islam.
29	<i>Harfi</i>	Memahami ayat al-Quran dan hadith nabi secara zahir.
30	Hedonisme	Fahaman yang menjadikan keseronokan dan kebebasan sebagai matlamat hidup.
31	Islam Hadhari	Pendekatan sederhana (<i>wasitiyyah</i>) yang diambil oleh kerajaan bagi membawa masyarakat Islam amnya dan masyarakat Islam Malaysia khasnya dalam memahami dan menghayati prinsip-prinsip Islam syumul, berasaskan intelektual, rasional, praktikal, dan mementingkan kemajuan dan mengutamakan kerohanian.
32	Islam Liberal	Satu bentuk pendekatan Islam yang mahu membebaskan umat dari fahaman lama dengan membuka ruang pintu ijtihad seluas-luasnya mengutamakan semangat religio-etika, bukan dengan makna literal (teks), mempercayai kebebasan yang relatif, terbuka, dan plural, memihak kepada golongan minoriti dan tertindas, serta meyakini kebebasan beragama.

<i>Bil.</i>	<i>Istilah</i>	<i>Huraian istilah</i>
33	<i>Istidlal</i>	Pendalilan kepada sesuatu perkara.
34	<i>al-Jawami 'al-Jami'</i>	Kumpulan hadith yang disusun merangkumi semua bab termasuk aqidah, ibadat, muamalat dan sebagainya.
35	<i>Jarh</i>	Menyatakan sifat-sifat perawi yang boleh membawa kepada kelemahan periwayatannya atau periwayatannya ditolak.
36	<i>Jins</i>	Lafaz <i>kulli</i> (umum) yang merangkumi افراد yang banyak dan setiap افراد itu mempunyai hakikat yang berbeza.
37	<i>Khatm al-nubuwwah</i>	Kesudahan dan penutup nabi.
38	<i>Al-Khassah</i>	Lafaz <i>kulli</i> (umum) yang merangkumi افراد yang banyak bagi menjawab soalan apakah yang ada pada sesuatu perkara itu pada <i>aradnya</i> (sifat mendatang).
39	Khawarij	Kumpulan dalam Islam yang keluar daripada Saidina Ali dan menentang Saidina Ali kerana tidak puas hati dengan tindakan Saidina Ali menerima <i>al-tahkim</i> sebagai penyelesaian perbalahannya dengan Mu`awiyah.
40	<i>Kulliyat al-khamsah</i>	Lafaz <i>kulli</i> (umum) yang diperlukan dalam takrif.
41	Liberalisme	Fahaman pembebasan daripada tradisi dengan fokus kepada penolakan autoriti agama dan syariah.
42	<i>Madhmumah</i>	Sifat-sifat yang tercela yang ada pada diri manusia.
43	<i>Mahmudah</i>	Sifat-sifat yang terpuji yang ada pada diri manusia.
44	<i>Masanid</i>	Kumpulan kitab hadith yang disusun menurut nama sahabat yang senior masuk Islam.
45	<i>Ma'jam</i>	Kitab hadith yang disusun mengikut susunan abjad nama sahabat, musnadnya atau guru-guru dan sebagainya.
46	Maturidiyyah	Golongan yang mengikut pendekatan al-Maturidi dalam persoalan akidah.
47	Mukjizat	Suatu perkara luar biasa yang berlaku kepada nabi dan rasul disertai dengan cabaran dan tidak dapat dikalahkan oleh penentangannya.
48	Muktazilah	Kumpulan dalam Islam yang mendahulukan akal daripada nas al-Quran dan hadith dalam memahami akidah yang muncul di awal abad kedua hijrah.
49	<i>Mukhtalaf al-Hadith</i>	Pertentangan antara dua hadith atau lebih yang sama kuatnya dan boleh diselaraskan.

<i>Bil.</i>	<i>Istilah</i>	<i>Huraian istilah</i>
50	<i>Mulahazah</i>	Satu peringkat dalam istiqlal yang menggunakan kaedah pemerhatian kepada keadaan yang berlaku.
51	<i>Mutashabihat</i>	Ayat-ayat al-Quran atau hadith yang pada zahirnya boleh membawa kepada kesamaran dan penyerupaan dengan makhluk.
52	<i>Mutawatirat</i>	Perkara yang didapati melalui banyak sumber.
53	<i>Naw`</i>	Lafaz <i>kulli</i> (umum) yang merangkumi afraad yang banyak dan setiap afraad itu mempunyai hakikat yang sama.
54	Orientalis	Sesiapa yang terlibat memberi pengajaran, menulis dan mengkaji mengenai Timur.
55	Orientalisme	Sistem idea atau prinsip yang mempunyai pertalian dengan hal ehwal Timur/ketimuran.
56	Perawi	Seorang yang meriwayatkan hadith sama ada dia memahaminya atau tidak.
57	<i>Qadiyyah</i>	Satu pernyataan yang boleh jadi benar dan salah berdasarkan ayat itu.
58	<i>Qiyas</i>	Satu bentuk pendalilan yang tersusun daripada dua pernyataan, sekiranya kedua-duanya diterima maka akan melahirkan pernyataan yang lain sebagai natijah.
59	<i>Qudwah hasanah</i>	Suri teladan yang baik
60	<i>Riwayah</i>	Satu bidang ilmu yang menyatakan tentang tatacara meriwayatkan hadith secara teliti dan terperinci.
61	<i>Ru`yat Allah</i>	Melihat Allah di Hari Akhirat.
62	Sahabat	Orang yang bertemu Nabi SAW dan beriman dengannya serta mati dalam iman.
63	Salafiyyah	Golongan pengikut Ahli Salaf dalam persoalan akidah.
64	<i>Sam`iyyat</i>	Perkara-perkara yang hanya terdapat dalam al-Quran atau hadith sahaja.
65	Sekularisme	Fahaman yang memisahkan urusan agama dengan keduniaan seperti pentadbiran, politik, dan kemajuan sains.
66	<i>al-Sunnah</i>	Perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat yang disandar kepada Nabi Muhammad SAW.
67	<i>Ta`dil</i>	Menyatakan sifat-sifat yang menjelaskan ketepatan riwayat serta keadilannya yang membawa kepada penerimaan riwayatnya.

<i>Bil.</i>	<i>Istilah</i>	<i>Huraian istilah</i>
68	<i>al-Ta`rif</i>	Penjelasan sesuatu yang bersifat kulli dengan menentukan ciri-ciri penting.
69	<i>Tadwin al-Hadith</i>	Pengumpulan hadith daripada catatan dan ingatan untuk disusun dalam kitab.
70	<i>Tahqiq al-furud</i>	Satu peringkat dalam istiqlal untuk membuktikan kebenaran sesuatu andaian yang telah dilakukan sebelumnya.
71	<i>Tajribat</i>	Perkara yang didapati melalui percubaan dan pengalaman.
72	<i>Tajribah</i>	Satu peringkat dalam istiqlal yang menggunakan kaedah percubaan.
73	<i>Ta`mim al-hukm</i>	Peringkat terakhir dalam istiqlal untuk mengumumkan keputusan yang telah diperolehi daripada peringkat-peringkat sebelumnya.
74	<i>Tabi`in</i>	Orang Islam yang bertemu sahabat dan mati dalam Islam.
75	<i>Taklid</i>	Mengikut sesuatu fahaman tanpa bukti.
76	<i>Ulum al-Hadith</i>	Bidang ilmu yang mengkaji hadith Rasulullah SAW.
77	<i>Umum al-risalah</i>	Keuniverselan risalah Nabi Muhammad SAW.

Senarai Rujukan

Kertas 1: 931/1 – Ilmu Tauhid

Buku Rujukan Utama

1. Abd Shukor Husin, t.t. *al-Nubuwwah bayn al-'Aql wa al-Naql*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. al-Qardawiyy, Yusuf, 1998. *al-Iman wa al-Hayah*. Lebanon: al-Risalah.
3. al-Maydaniyy, 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah, 1994. *al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuha*. Dimashq: Dar al-Qalam.
4. Salah 'Abd al-'Alim Ibrahim, 1982. *al-'Aqidah fi Daw' al-Qur'an al-Karim*. al-Qahirah: Maktabah al-Azhar.

Buku Rujukan Tambahan

5. Abdul Fatah Ibrahim, 1985. *Ajaran sesat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Adian Husaini, 2005. *Islam Liberal, Pluralisme Agama dan Diabolisme Intelektual*. Surabaya: Risaslah Gusti.
7. al-Attas, S.M.N., 1979. *Islam and Secularisme*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Kuala Lumpur.
8. Bryan S. Turner, 2002. *Orientalisme, Posmodernisme dan Globalisme*. Terjemahan oleh Eno Syafrudien. Jakarta: Riora Cipta.
9. Ibrahim Abu Bakar, 1990. *Konsep Kerasulan dan Peranannya dalam Pembentukan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
10. Jakim, 2005. *Islam Hadhari Satu Penjelasan*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
11. Mohd Sulaiman Yasin, 1982. *Pengantar Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
12. Mustafa Hilmiy, 1982. *Manhaj Ulama' al-Hadith fi Usul al-Din ('Ilm al-Kalam)*. Iskandariyyah: Dar al-Da'wah.
13. Subhiy, Ahmad Mahmud, 1969. *Fi 'Ilm Kalam: Dirasah Falsafiyah: al-Mu'tazilah – al-Asha'irah – al-Shi'ah*. al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Jami' iyyah.
14. Yahya Hashim Hasan Farghal, 1972. *Nash'at al-Ara' wa Madhahib wa al-Firqah al-Kalamiyyah*. al-Qahirah: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah.

Kertas 2: 931/2 – Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadith

Buku Rujukan Ulum al-Quran

Buku Rujukan Utama

15. al-Dhahabiyy, Muhammad Husin, 1974. *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
16. Mustafa Muslim, 1989. *Mubahith fi I'jaz al-Quran*. Damshik: Dar al-Qalam.
17. al-Qattan, Manna`, 1976. *Mabahith fi 'Ulum al-Qu'ran*. Bayrut: Muassah al-risalah.
18. al-Zarqaniyy, Muhammad 'Abd al-Azim, t.t. *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*. al-Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Buku Rujukan Tambahan

19. Afzal al-Rahman, 1981. *Quranic Science*. Singapore: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
20. al-'Ak, Khalid Abd Rahman, 1994. *Usul al-Tafsir wa Qawa'iduh*. Bayrut: Dar al-Nafais.
21. Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn Abdul Halim, 2005. *Pengantar Kepada Usul al-Tafsir*. Penterjemah Zulkifli Haji Mohd Yusoff dan Abdurrahim Yaponno. Selangor: Intel Multimedia and Publication.
22. Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir, Mohd Najib Abdul Kadir, 2009. *Pengenalan Tokoh dan Kitab-kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*. Kuala Lumpur: Pusat Penerbitan dan Percetakan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
23. Mazlan Ibrahim, 2008. *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim: Kajian Tokoh dan Metodologi*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
24. Mohammad Khalifa, 1994. *al-Quran dan Orientalisme*. Penterjemah Zakaria Stapa dan Mohamad Asin Dollah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
25. Muhammad Husin Dhahabiyy, 1988. *Israiliat dalam Tafsir dan al-Hadith*. Alih bahasa Drs. Didin Hafidhuddin. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
26. al-Suyutiyy, Abu Bakr al-Din, t.t. *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. al-Qahirah: Dar al-Ma'rifah.
27. al-Zarkashiyy, Badr al-Din Muhammad, 1988. *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Jil.
28. Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, 1996. *Kunci Mengenal al-Quran*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
29. Zulkifli Haji Mohd Yusoff, 2007. *Mengenal al-Quran*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd.

Buku Rujukan Ulum al-Hadith

Buku Rujukan Utama

30. Abu Zuhw, Muhammad Ibn Muhammad, 1958. *al-Hadith wa al-Muhaddithun*. Misr: Syarikat Muhasamah Misriyah.
31. Buda @ Huda Mohsin, 1995. *Ulum al-Hadith*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
32. al-Khatib, Muhammad 'Ajjaj, 1971. *Usul al-Hadith wa Mustalahuh*. Edisi ke-2. Bayrut: Dar al-Fikr.
33. al-Siba'iyy, Mustafa, 1961. *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri' al-Islamiyy*. al-Qahirah: Maktabat al-Arubah.

Buku Rujukan Tambahan

34. Abd al-Fattah Abu Ghuddah, 1984. *Lamahat min Tarikh al-Sunnah wa 'Ulum al-Hadith*. Bayrut: Maktabat al-Matbu'ah al-Islamiyyah.
35. al-Bukhariyy, Muhammad Ibn Isma'il, t.t. *Sahih al-Bukhariyy*. 9 Jilid. Bayrut: Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy.
36. Azami, Muhammad Mustafa, 1977. *Studies in al-Hadith Methodology and Literature*. Indianapolis: Ameracan Trust Publications.
37. Hammam Abd al-Rahim Sa'id, 1997. *al-Tamhid Fi 'Ulum al-Hadith*. Edisi ke-3. Amman: Dar al-Furqan.
38. Jawiah Dakir, (penyunting), 1996. *Kewibawaan al-Tafsir dan al-Hadith*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
39. al-Khatib, Muhamad Ajjaj, 1971. *al-Sunnah qabl al-Tadwin*. Bayrut: Dar al-Fikr.
40. Mahmud Hamdi Zaquq, 1989. *Orientalisme Kesan Pemikirannya Terhadap Tamadun Islam*. Terj. Mudasir Rosder dan Che Yusuf Che Mamat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
41. Mahmud Saedon A. Othman, 1992. *al-Sunnah: Kedudukan dan Peranannya di dalam Syariah Islam*. Kuala Lumpur.
42. Mohd. Napiah Abdullah, 1986. *Ikhtisar Sejarah Perkembangan dan Kaedah Penyusunan Hadis*. Kuala Lumpur.
43. Muhmad Adib Salih, 1997. *Lamahat fi Usul al-Hadith*. Edisi ke-6. Bayrut: al-Maktab al-Islami.

Kertas 3: 931/3 – Ilmu Mantik

Bahan Rujukan Utama

44. Hijaziyy, ‘Iwad Allah Jad, Dr., 1964. *al-Murshid al-Salim fi al-Mantiq al-Qadim wa al-Hadith*. al-Qahirah: Dar al-Tiba‘ah al-Muhammadiyah.
45. al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad, 1990. *Mi‘yar al-‘Ilm fi al-Mantiq*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
46. Mat Rofa Ismail, 1997. *Logik Dalam Babak Pemikiran Ilmiah Tamaddun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
47. al-Nashshar, Ali Samiyy, Dr., 1984. *Manahij al-Baith ‘inda Mufakkiri al-Islam*. Bayrut: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah.

Buku Rujukan Tambahan

48. al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad, 1959. *al-Qistas al-Mustaqim*. Bayrut: al-Matba‘ah al-Kathulikiyyah.
49. al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad, t.t. *al-Iqtisad fi al-I‘tiqad*. Tahqiq Muhammad Mustafa. al-Qahirah: Maktabah al-Jundiyy.
50. Leaman, Oliver, 1999. *A Brief Introduction to Islamic Philosophy*. Edisi pertama. Malden: Polity Press & Blackwell Publishers Inc.
51. Majid Fakhriyy, 1993. *Sejarah Falsafah Islam*. Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
52. Mohd Fauzi Hamat, 2005. *Ketokohan al-Ghazzali dalam Bidang Logik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
53. al-Qardawiyy, Yusuf, 1996. *al-‘Aql wa al-‘Ilm fi al-Quran al-Karim*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

KERTAS SOALAN CONTOH

931/1

STPM

USULUDDIN

KERTAS 1

(ILMU TAUHID)

(Dua jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab empat soalan daripada soalan-soalan yang dikemukakan.

Anda boleh menjawab sama ada dalam Bahasa Melayu atau bahasa Arab.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.
© Majlis Peperiksaan Malaysia

Jawab **empat** soalan sahaja.

- 1** (a) Nyatakan bagaimana kedudukan akidah pada zaman Rasulullah. [4]
(b) Jelaskan **dua** faktor dalaman yang menyebabkan kelahiran beberapa aliran dalam pemikiran akidah Islam. [6]
(c) Bagaimanakah Rasulullah berjaya membentuk akidah Islam yang kukuh dan mantap dalam kalangan para Sahabat? [10]
- 2** (a) Perihalkan sejarah kemunculan penyelewengan akidah. [4]
(b) Jelaskan **tiga** faktor yang menyumbang kepada berlakunya penyelewengan akidah Islam dalam kalangan masyarakat kini. [6]
(c) Berdasarkan bukti-bukti yang kukuh, bincangkan sejauh mana Aurad Muhammadiyah terkeluar daripada ajaran Islam. [10]
- 3** (a) Berikan **dua** ayat al-Quran yang menggesa manusia menggunakan akal. [4]
(b) Hubungkan *qudwah hasanah* dengan penerapan akidah Islam. [6]
(c) “Al-Quran menggesa manusia supaya menggunakan akal untuk meneliti dan menganalisis fenomena alam nyata bagi mengukuhkan keimanan.” Bincangkan pernyataan ini. [10]
- 4** (a) Nyatakan penggunaan perkataan *al-Din* dalam al-Quran. [4]
(b) Jelaskan mengapa akidah Islam merupakan akidah yang unggul. [6]
(c) Bincangkan sejauh mana Islam merupakan agama seluruh para nabi dan rasul. [10]
- 5** (a) Nyatakan perbezaan antara Iman dengan Islam. [4]
(b) Kenal pasti **tiga** sifat *mahmudah* yang dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah akhlak semasa. [6]
(c) Bincangkan peranan akidah dalam kehidupan masyarakat. [10]

KERTAS SOALAN CONTOH

931/2

STPM

USULUDDIN

KERTAS 2

(ULUM AL-QURAN DAN ULUM AL-HADITH)

(Dua jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab empat soalan sahaja daripada soalan-soalan yang dikemukakan.

Bahagian A: *Jawab dua soalan sahaja.*

Bahagian B: *Jawab dua soalan sahaja.*

Anda boleh menjawab sama ada dalam Bahasa Melayu atau bahasa Arab.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.
© Majlis Peperiksaan Malaysia

Bahagian A: Ulum al-Quran

Jawab **dua** soalan sahaja.

- 1 (a) Berikan **dua** metode terbaik dalam pentafsiran al-Quran. [4]
(b) Bagaimanakah ilmu tafsir memberi sumbangan dalam memahami kandungan al-Quran? [6]
(c) Bincangkan faktor kemasukan *israiliyat* dalam ilmu tafsir. [10]
- 2 (a) Takrifkan *nasikh* dan *mansukh*. [4]
(b) Jelaskan **tiga** bahagian *nasikh* dan *mansukh*. [6]
(c) Bandingkan *am* dan *khas*, *mutlak* dan *muqayyad* serta kaitannya dengan *nasikh* dan *mansukh*. [10]
- 3 (a) Berikan takrif *i'jaz* al-Quran mengikut pandangan ulama. [4]
(b) Jelaskan sejarah pertumbuhan ilmu *i'jaz*. [6]
(c) Bincangkan aspek *i'jaz* al-Quran dari segi bahasa dan ilmu. [10]

Bahagian B: Ulum al-Hadith

Jawab **dua** soalan sahaja.

- 4 (a) Takrifkan *al-Jarh* dan *al-Ta'dil*. [4]
(b) "Sifat amanah sangat penting dalam bidang kewartawanan." Jelaskan pernyataan ini dan kaitannya dengan *al-Jarh* dan *al-Ta'dil*. [8]
(c) Dengan mengemukakan al-hadith yang berkaitan dengan akhlak, bincangkan kepentingannya dalam pembangunan modal insan. [8]
- 5 (a) Takrifkan hadith *mawdu'*. [4]
(b) Jelaskan **empat** faktor kemunculan hadith *mawdu'*. [8]
(c) Bincangkan **empat** langkah terbaik membanteras penyebaran hadith *mawdu'* dalam kehidupan umat Islam Malaysia masa kini. [8]
- 6 (a) Takrifkan *mukhtalaf al-hadith*. [4]
(b) Jelaskan kepentingan ilmu *mukhtalaf al-hadith* dalam memahami al-hadith. [6]
(c) Bincangkan pandangan ulama tentang cara menyelaraskan hadith *mukhtalaf*. [10]

KERTAS SOALAN CONTOH

931/3

STPM

USULUDDIN

KERTAS 3

(ILMU MANTIK)

(Dua jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab empat soalan daripada soalan-soalan yang dikemukakan.

Anda boleh menjawab sama ada dalam Bahasa Melayu atau bahasa Arab.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.
© Majlis Peperiksaan Malaysia

Jawab **empat** soalan sahaja.

- 1** (a) Perihalkan kronologi sejarah Ilmu Mantik di Malaysia. [4]
(b) Jelaskan kepentingan Ilmu Mantik dalam perbahasan Usul Fiqh. [6]
(c) Bincangkan pandangan ulama Islam tentang hukum mempelajari Ilmu Mantik. [10]
- 2** (a) Berikan pengertian *al-ta'rif*. [4]
(b) Jelaskan bahagian-bahagian *al-ta'rif*. [6]
(c) Ulasikan kepentingan *al-ta'rif* dalam ilmu Usul Fiqh. [10]
- 3** (a) Nyatakan takrif *qiyas*. [4]
(b) Jelaskan bahagian *qiyas* berserta contoh. [6]
(c) Dengan mengemukakan **tiga** contoh, sejauh mana *qiyas* boleh diaplikasikan dalam Ilmu Kalam. [10]
- 4** (a) Takrifkan *ta'mim al-hukm*. [2]
(b) Jelaskan **dua** prinsip *ta'mim al-hukm*. [8]
(c) Huraikan **lima** ciri *ta'mim al-hukm*. [10]
- 5** (a) Berikan biodata Ibn Haytham sebagai tokoh mantik. [4]
(b) Jelaskan sumbangan Ibn Haytham terhadap Ilmu Mantik. [8]
(c) Aplikasikan *qiyas al-ghaib ala al-syahid* kepada *al-Mujanasah*. [8]

KERTAS SOALAN CONTOH

931/4

STPM

USULUDDIN

KERTAS 4

**KERJA KURSUS
(KERJA PROJEK)**

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

1. *Kerja kursus (kerja projek) Usuluddin **wajib** dilaksanakan oleh semua calon STPM sebagai komponen penting pentaksiran penggal ketiga.*
2. *Kerja kursus (kerja projek) ini mengandungi tema tugas dalam bidang Usuluddin. Semua calon yang mengambil kertas ini dikehendaki menyediakan dan menyerahkan tugas tersebut untuk ditaksir.*

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.
© Majlis Peperiksaan Malaysia

Pilih **satu** daripada tema di bawah ini, dan sediakan kerja kursus (kerja projek) yang panjangnya tidak melebihi 2500 patah perkataan.

Tema 1

Ajaran sesat

Tema 2

Khurafat